

PERANCANGAN KEWANGAN NAQLI DAN AQLI

Dalam siri-siri yang lepas, banyak penekanan terhadap kepentingan membuat tabungan, merancang belanjawan dan berbelanja mengikut keperluan dibincangkan. Pada siri kali ini, saya akan mula membuka minda pembaca kepada suatu topik perbincangan yang baharu iaitu pelaburan. Ada dalam kalangan pembaca memberikan maklum balas bahawa banyak penulisan berkisar mengenai simpanan tetapi kurang berkenaan pelaburan.

SIRI 14

OLEH
DR. NURADLI
RIDZWAN
SHAH MOHD
DALI

Pada bulan lepas, isu tentang perbezaan antara aset dan liabiliti mula menjadi perbualan orang awam apabila isu ini mendapat sambutan daripada media massa. Ramai mula menyemak corak pembelian sejak mula bekerja, sama ada membeli aset atau membeli liabiliti. Pembelian aset ini boleh dinamakan pelaburan dan pembelian liabiliti ini boleh disingkatkan dengan perbelanjaan dan perbelanjaan hutang.

Penekanan kepada simpanan perlu dibuat dahulu kerana simpanan ialah kunci kepada pelaburan. Sebelum menjadi pelabur, sekurang-kurangnya kita telah menjadi seorang penyimpan, kerana untuk mencapai tahap seorang pelabur, seseorang itu memerlukan tahap kesabaran, strategi, dan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi daripada seorang penyimpan. Seseorang pelabur itu mahu menjadikan duit, malah memaksa duit bekerja untuk beliau dan bukan sebaliknya. Pelabur juga mahu memastikan modalnya

akan terus berkembang dari semasa ke semasa.

Pasti akan ada yang bertanya; apa masalahnya kalau saya hanya terus menyimpan wang secara konsisten di bank. Tidakkah, wang saya akan berkembang juga? Apa keperluan untuk saya melabur jika saya sudah boleh mengembangkan wang saya dengan simpanan sahaja. Bagaimana pula dengan pepatah, sikit-sikit, lama-kelamaan jadi bukit. Adakah ia tidak terpakai dengan hanya menyimpan secara konsisten?

Hakikatnya, simpanan tidak membantu kita untuk mengembangkan kekayaan malahan berkemungkinan tidak dapat menangkis tekanan inflasi. Inflasi terjadi apabila harga barangan keperluan semakin meningkat disebabkan oleh kuasa beli wang semakin menurun. Kita ambil contoh yang paling mudah untuk difahami iaitu harga sepinggan nasi lemak semasa di sekolah




Pendapatan negara akan meningkat jika komponen hasil negara meningkat. Hasil negara boleh diperolehi daripada jualan minyak, komoditi atau boleh juga diperolehi daripada hasil cukai. Jika kerajaan meningkatkan pendapatan cukai, pendapatan kita mungkin akan terjejas.

rendah dahulu (mungkin anda bersekolah rendah pada tahun 60-an, 70-an, 80-an, 90-an, dan alaf 2000) tidak sama dengan harga nasi lemak di sekolah rendah yang sama, pada ketika ini.

Inflasi yang dimaksudkan tidak semudah harga nasi lemak sahaja, ia meliputi pelbagai lagi aspek yang boleh diukur daripada kenaikan harga barang pengguna. Indeks harga pengguna (IHP) atau *Consumer Price Index (CPI)* merupakan kaedah yang digunakan untuk mengukur atau menentukan kadar inflasi. IHP mengukur harga purata barang-barang dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh isi rumah pada tempoh masa yang ditetapkan. IHP diukur dengan membandingkan purata harga barangan dan perkhidmatan pada tahun asas dengan purata harga barang bagi tahun semasa.

Jadi, jika simpanan kita memberi pulangan hanya dua hingga tiga peratus setahun, dan kadar inflasi adalah pada kadar yang sama, sebenarnya duit kita tidak berkembang, malahan boleh menyusut nilai jika kadar inflasi adalah lebih tinggi daripada pulangan simpanan. Justeru itu, hasil simpanan kita perlu disalurkan ke pelaburan yang akan mendatangkan pulangan yang berpatutan untuk menyaksikan aset kita terus berkembang. Walau bagaimanapun, pelaburan mempunyai risiko dan berkadar dengan




potensi pulangan yang boleh diperolehi. Risiko dalam sesuatu pelaburan menurut perspektif Islam perlu ada dan **pulangan tanpa risiko** adalah tidak bertepatan dengan prinsip pelaburan dalam Islam.

Pelaburan dalam konteks perspektif Islam adalah amat digalakkan. Malahan, kita boleh mendapatkan contoh yang terdekat dengan umat Islam, iaitu Nabi Muhammad SAW, seorang usahawan, yang telah mengikat kontrak pelaburan (*mudarahab*) bersama Saidatina Siti Khadijah yang menjadi pemodal. Keuntungan perniagaan dibahagikan mengikut nisbah keuntungan dan bukannya ditetapkan berdasar kaedah *riba*.

CASHFLOW QUADRANT

4 WAYS TO PRODUCE INCOME

LINEAR INCOME VS. LEVERAGED & RESIDUAL INCOME



Malahan hampir keseluruhan jutawan barat adalah daripada golongan pelabur. Robert Kiyosaki di dalam bukunya ada mengklasifikasikan empat cara untuk menjana pendapatan iaitu bekerja makan gaji, bekerja sendiri, memiliki sistem perniagaan dan menjadi pelabur. Bekerja makan gaji seperti kebanyakan orang, lumrahnya pendapatan bergantung kepada berapa banyak masa yang diperuntukkan. Ini dinamakan pendapatan aktif.

Berdasarkan kajian kurang dari lima peratus daripada golongan makan gaji yang boleh menempa kekayaan. Manakala mereka yang memiliki sistem perniagaan akan menjana 99 peratus kekayaan daripada

hasil perniagaan. Pemilik sistem perniagaan ini menggunakan kudrat golongan pekerja makan gaji untuk menjalankan perniagaan mereka.

Sementara itu, golongan bekerja sendiri terdiri daripada kalangan profesional yang memiliki firma sendiri seperti doktor, peguam, akauntan dan lain-lain. Walaupun golongan ini nampak serupa dengan pemilik sistem perniagaan, terdapat perbezaan ketara dari masa aktif yang diperuntukkan. Sebagai contoh doktor yang memiliki klinik sendiri perlu bekerja di klinik yang dimilikinya manakala pemilik sistem perniagaan ialah seorang doktor yang memiliki rangkaian klinik yang mengajikan doktor-doktor lain untuk merawat pesakit.

Golongan yang keempat adalah daripada kalangan pelabur, yang menjana pendapatan pasif dan menjadikan wang bekerja untuk mereka. Berdasarkan kajian, golongan pemilik sistem perniagaan dan pelabur ialah mereka yang memegang kekayaan dunia. Ini bersesuaian dengan sunah yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah SAW di mana Baginda ialah rakan niaga dan usahawan manakala Saidatina Khadijah ialah seorang pelabur.

Melalui kekayaan inilah, kita boleh membina kekuatan ummah. Umat Islam yang berjaya dalam perniagaan dan pelaburan akan dapat membantu golongan yang memerlukan melalui zakat, sedekah, infak, wakaf dan hibah yang bukan hanya menghilangkan kesulitan, tetapi pada masa yang sama mereka mendapat pahala seperti yang pernah saya utarakan dalam siri yang lepas. Aset dalam konteks dunia dan akhirat perlu berjalan seiring. Pada siri akan datang saya akan mengupas lebih tentang topik pelaburan ini terutamanya yang berkenaan dengan prinsip pelaburan Islam.

Bersambung Siri 15

Dr. Nuradli Ridzwan Shah Bin Mohd Dali ialah Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan